

Kepelbagaian Strategi Pengajaran al-Quran kepada Murid Masalah Pembelajaran (*A Variety of Strategies for Teaching al-Quran to Students with Learning Disabilities*)

Nurul Afisah Binti Hussin
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Izuli Bin Dzulkifli
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Mohd Nazri Bin Ahmad
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Murid masalah pembelajaran merupakan murid yang mempunyai pelbagai bentuk halangan dalam proses pembelajaran seperti pertuturan, komunikasi dan daya tumpuan. Perkara tersebut memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam pembelajaran al-Quran di sekolah. Keupayaan murid masalah pembelajaran yang terhad juga menyebabkan guru perlu memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan murid supaya pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka strategi pengajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar al-Quran kepada murid masalah pembelajaran. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan meneliti dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas bagi murid masalah pembelajaran, Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di dalam Perkara 8 yang dikeluarkan oleh Warta Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan strategi pengajaran yang boleh digunapakai oleh guru bagi mengajar murid masalah pembelajaran. Hasil dapatan kajian mendapati guru boleh menggunakan pelbagai strategi dalam pengajaran al-Quran kepada murid masalah pembelajaran seperti strategi berpusatkan murid, strategi berpusatkan guru, strategi berpusatkan bahan dan strategi pengajaran terbeza. Kajian ini mencadangkan agar guru mempelbagaikan strategi pengajaran untuk mengajar al-Quran kepada murid masalah pembelajaran.

Kata kunci: Strategi pengajaran, Pengajaran al-Quran, Murid Masalah Pembelajaran

Abstract

Students with learning disabilities are students who have various types of challenges in the learning process such as speech, communication and concentration. These challenges have an impact on their achievement in learning the Quran in school. Due to the limited ability of the students, teachers need to choose teaching strategies that are suitable for students in order for learning to be effectively delivered. The objective of this study is to explore teaching strategies that teachers can use to teach students with disabilities the Quran. The qualitative study uses the document analysis method by examining the Standard Curriculum of Special Education Primary School for students with learning disabilities, the Code of Practice for Special Education for Special Needs Students and the Education (Special Education) Regulations 2013 in Article 8 issued by the relevant Federal Government Gazette with teaching strategies that teachers can use to teach students with learning disabilities. The results of the study found that teachers can use various strategies in teaching the Quran to students with learning disabilities such as student-centred strategies, teacher-centred strategies, material-centred strategies and differentiated teaching strategies. This study suggests that teachers diversify their teaching strategies in teaching Quran for students with learning disabilities.

Keywords: Teaching strategies, al-Quran teaching, Students with Learning Disabilities

Article Progress
Received: 17 September 2024
Revised: 01 October 2024
Accepted: 15 October 2024

1. PENGENALAN

Murid masalah pembelajaran mempelajari bidang al-Quran secara formal di peringkat sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SPK) dan sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid masalah pembelajaran telah diubahsuai mengikut tahap keupayaan murid iaitu dengan menggunakan Modul Kaedah Iqra' (KPM, 2019). Terdapat empat objektif pelaksanaan modul ini iaitu murid dapat mengenal dan membunyikan huruf-huruf berbaris dalam al-Quran, mengenal tanda-tanda bacaan yang terdapat dalam ayat al-Quran, murid dapat membaca ayat-ayat pendek berpandukan buku Iqra' dan murid dapat menguasai bacaan ayat-ayat al-Quran. Guru juga boleh membuat pengubahsuaian terhadap kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu bijak memanfaatkan masa yang diperuntukkan untuk setiap aktiviti, penggunaan bahan bantu mengajar atau apa-apa pengubahsuaian yang berasaskan Kurikulum Pendidikan Khas. Berdasarkan pernyataan tersebut, guru perlu mempunyai strategi dalam merancang pengajaran mereka supaya proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran dapat disampaikan dengan baik. Setiap guru perlu merangka strategi sebelum memulakan sesi pengajaran mereka (Raja Nor Azuwah & Nik Rosila, 2022). Hal ini kerana keberkesanan pengajaran bergantung kepada strategi yang digunakan oleh guru (Naquiah Nahar et al., 2020). Pemilihan strategi yang lemah, bosan dan tidak kreatif menyebabkan murid tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Murid masalah pembelajaran merujuk kepada murid yang telah diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi sebagai murid yang mempunyai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya (JKM, 2023). Mereka terdiri daripada enam jenis ketidakupayaan iaitu Global Development Delay (GDD), Sindrom Down, Attention Defisit Hyperactivity Disorder (ADHD), Autisme (Autism Spectrum Disorder), kurang upaya intelektual dan Specific Learning Disability (Specific LD). Di samping itu, mereka turut mengalami pelbagai ketidakupayaan yang lain seperti masalah pertuturan, daya tumpuan dan ingatan, masalah komunikasi (Hashimah et al., 2020; Syed Shahridzan, 2022), masalah deria, tingkah laku, emosi serta masalah fizikal (Mohd Razimi et al., 2020). Ketidakupayaan tersebut telah menjejaskan kebolehan mereka untuk berfikir, mendengar, membaca, bercakap, mengeja, menulis dan mengira (Norleena et al., 2021; Yusmini & Azura Awang, 2019). Oleh itu, pengajaran al-Quran bagi murid masalah pembelajaran memerlukan strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan mereka. Hal ini kerana pengajaran al-Quran memerlukan murid untuk menyebut, membaca, menghafaz dan memahami al-Quran (Bahariah et al., 2021; Izuli et al., 2020) yang ditulis dalam bahasa Arab dan mengandungi pelbagai huruf, kalimah, baris, ayat dan sebagainya.

Bagi menjadikan pengajaran al-Quran berkesan, pemilihan strategi pengajaran guru mestilah dibuat berdasarkan tahap keupayaan setiap murid. Namun, kajian Nur Azuwa et al. (2020) mendapati elemen strategi pengajaran merupakan elemen yang paling kurang ditekankan oleh guru pendidikan khas. Malah, terdapat juga dalam kalangan guru yang tidak mempunyai strategi pengajaran yang baik untuk mengajar murid kurang upaya (Allam & Martin, 2021). Hal ini mungkin disebabkan oleh penempatan guru yang salah di mana terdapat guru biasa yang ditugaskan untuk mengajar murid khas (Dashwini Selvam & Ardzulyna Anal, 2022; Hidayati et al., 2022; Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana, 2018), sedangkan mereka kurang pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran kepada murid pendidikan khas. Penentuan strategi pengajaran yang sesuai boleh menyebabkan murid tercicir dalam pelajaran (Ainaa Hamdan et al., 2023). Oleh yang demikian, strategi pengajaran yang sesuai perlu dirancang dengan sebaiknya oleh guru dalam pengajaran al-Quran bagi murid masalah pembelajaran. Hal ini penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran berjalan lancar sesuai dengan tahap keupayaan murid.

3. KAJIAN LITERATUR

Pemilihan strategi pengajaran menjadi aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh guru sebelum memulakan pengajaran mereka, lebih-lebih lagi dalam mengajar murid-murid yang mempunyai pelbagai keupayaan, pencapaian, kecenderungan dan minat (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017). Kepelbagaian ciri-ciri keupayaan, tahap kecerdasan dan minat murid masalah pembelajaran memerlukan guru merancang strategi pengajaran yang dapat membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Dalam dunia pendidikan, strategi pengajaran merupakan satu rancangan yang mengandungi satu siri aktiviti yang direka untuk mencapai sesuatu objektif pembelajaran (Citra Puteri, 2023). Strategi juga didefinisikan sebagai rancangan aktiviti pengajaran yang akan dilaksanakan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan dan mencapai objektifnya (Hasanova et al., 2021). Mengikut Nur Faizah dan Nur Azimah (2023) pula, strategi pengajaran ialah perancangan guru dalam memilih pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran yang dapat membantu meningkatkan pencapaian murid. Konsep strategi pengajaran juga merujuk kepada keyakinan guru mempelbagaikan strategi pengajaran berdasarkan tahap keupayaan murid yang berbeza-beza (Mohd Norakmar et al., 2019; Raja Nor Azuwah & Nik Rosila, 2022). Berdasarkan definisi-definisi tersebut dapat dirumuskan bahawa strategi pengajaran merujuk kepada satu rancangan yang dibuat oleh guru secara teliti dalam memilih pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan bahan yang akan digunakan bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah ditentukan.

Murid masalah pembelajaran kebiasaannya cenderung mempunyai pelbagai masalah yang meyakinkan mereka untuk belajar. Menurut Abdul Aziz dan Wan Muna Ruzanna (2021), strategi pengajaran adalah penting dalam mengajar dan mendidik murid masalah pembelajaran kerana murid tidak berupaya untuk menguasai pelajaran dengan baik walaupun mereka bersungguh-sungguh untuk belajar. Pandangan ini disokong oleh Abdul Munir (2018) yang menyatakan seorang guru perlu mempunyai strategi supaya pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dapat ditentukan dengan berkesan. Hal ini kerana keberkesanan sesuatu strategi pengajaran lebih bergantung kepada aspek kandungan, pendekatan, kaedah, aktiviti dan bahan yang digunakan oleh guru di dalam kelas. Di samping itu, kemahiran guru dalam mempelbagaikan strategi pengajaran juga penting dan boleh membantu meningkatkan lagi pencapaian murid dalam pembelajaran (Ying Tong Bei et al., 2021; Nur Azuwa et al., 2020; Siti Zunaida et al., 2020). Berdasarkan kajian Zaharah Kamaruddin dan Suziyani Mohamed (2019), tiada satu strategi pengajaran yang betul dan mesti dipatuhi oleh guru, namun strategi yang dipilih mestilah berdasarkan tahap perkembangan murid, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid.

Seorang guru perlu kreatif dan inovatif dalam melaksanakan strategi pengajaran mereka. Guru yang kreatif dan inovatif dalam melaksanakan strategi pengajaran akan memberi impak yang positif terhadap kualiti pembelajaran murid (Nor Asniza & Hazri Jamil, 2020). Bukan itu sahaja, strategi yang berbentuk kolaboratif, inovatif dan kreatif juga boleh merangsang minat dan tumpuan murid untuk belajar (Nur Syafiqah et al., 2020). Keperluan kepada pemilihan strategi pengajaran yang berkesan bagi mengajar murid masalah pembelajaran penting kerana guru mengalami pelbagai cabaran lain selain isu ketidakupayaan murid. Antaranya cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru ialah kekangan masa (Rabiatuladawiyah & Mohd Nizam, 2020), kekurangan sumber rujukan, bahan bantu mengajar, masalah kewangan dan infrastruktur (Allam & Martin, 2021) dan sebagainya. Oleh yang demikian, guru bertanggungjawab untuk merangka strategi pengajaran yang boleh memenuhi keperluan pembelajaran murid masalah pembelajaran. Terdapat beberapa langkah yang boleh dipraktikkan oleh guru dalam menentukan strategi pengajaran bagi murid masalah pembelajaran, antaranya ialah dengan menyesuaikan pengajaran dengan tahap kefungsiannya murid, melaksanakan aktiviti secara individu sesuai dengan masa yang ditetapkan, menggunakan arahan yang jelas, menjalin kerjasama bersama guru-guru lain bagi mengenal pasti kecenderungan murid, mengubah suai pengajaran mengikut kesesuaian dan merangka program berkaitan strategi pengajaran pendidikan khas (Pocan, 2022). Menurut kajian Wong Tien Jann dan Manisah (2023), keyakinan guru terhadap sesuatu strategi pengajaran akan meningkat apabila guru mampu membekalkan murid

pendidikan khas dengan soalan yang baik, memberi penjelasan atau contoh yang sesuai dan melaksanakan strategi alternatif di dalam kelas.

Strategi berpusatkan murid juga merupakan salah satu strategi yang digunakan oleh guru bagi meningkatkan kualiti pendidikan pada masa kini (Md Fadzil & Zamri Mahamod, 2020; Mohd Shahrani & Mohamad Khairi, 2023). Strategi ini mengutamakan penglibatan murid secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Deena Bibi et al., 2022). Guru perlu memastikan setiap murid belajar secara aktif di mana mereka perlu bertindak sebagai perancang, fasilitator, pemerhati dan pemantau ketika sesi pembelajaran murid (Siti Aishah, 2022). Murid juga diberi peluang untuk bercakap, mendengar, membaca, menulis tentang isi kandungan pembelajaran, idea serta isu berkaitan mata pelajaran yang dipelajari (Amirah et al., 2023). Interaksi antara guru dan murid melalui strategi berpusatkan murid berlaku secara dua hala (Nurul Izzati et al., 2021). Oleh itu, strategi berpusatkan murid menjadi satu strategi yang mampu menarik minat murid untuk belajar (Mohd Razimi et al., 2023). Hal ini kerana berpusatkan murid dapat mewujudkan suasana pembelajaran aktif melalui komunikasi dan kerjasama serta melatih murid berfikir dan menjana idea yang kreatif sehingga membantu meningkatkan motivasi murid (Nur Adibah Liyana & Hafizhah, 2020).

Kajian lepas telah membuktikan pemilihan strategi berpusatkan murid memberi kesan positif terhadap hasil pembelajaran murid. Berdasarkan dapatan kajian Deena Bibi et al. (2022), strategi berpusatkan murid seperti pembelajaran koperatif pembelajaran melalui penyelesaian masalah, nota ringkas dan latih tubi merupakan antara strategi pengajaran yang berkesan bagi subjek Pendidikan Islam. Bukan itu sahaja, kajian Norma Jusof dan Mohd Isa (2020) pula mendapati tahap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran berpusatkan murid berada pada tahap yang tinggi. Maka, strategi pengajaran berpusatkan murid merupakan satu strategi yang sangat penting dan perlu diutamakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Strategi berpusatkan guru juga merupakan strategi pengajaran yang tidak asing lagi dalam kalangan guru. Melalui strategi ini, guru memainkan peranan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Nurul Izzati et al., 2021). Guru akan menyampaikan isi pelajaran sepenuhnya dan murid hanya mendengar dan memahami setiap ilmu yang disampaikan oleh guru (Amirah et al., 2023). Murid juga tidak diberi ruang untuk bercakap dan mengarahkan pembelajaran mereka sendiri (Kenny S.L Cheah & Yuen Fen Hiew, 2022). Justeru, komunikasi antara guru dan murid juga bersifat sehalu sahaja (Intan Nur Syuhada & Zamri, 2021). Mengikut Mohd Shahrani dan Mohamad Khairi (2023), strategi berpusatkan guru yang bersifat tradisional boleh menyebabkan murid menjadi pasif dan tidak berminat untuk belajar kerana mereka tidak berpeluang untuk berkomunikasi dan meneroka sesuatu perkara berdasarkan minat dan kecenderungan mereka. Mereka juga cepat bosan dengan penyampaian guru (Siti Aishah, 2022). Proses pembelajaran yang membosankan dan kurang menarik boleh menyebabkan pelbagai masalah tingkah laku dalam kalangan murid, lebih-lebih lagi murid masalah pembelajaran yang mempunyai tingkah laku luar biasa dan sukar dikawal (Zuliza et al., 2019). Antara masalah tingkah laku yang sering dikaitkan dengan murid masalah pembelajaran ialah tingkah laku disruptif atau mengganggu (Dayang Julida & Muhd Izwan, 2021), tingkah laku tantrum (Salmihah et al., 2021), tingkah laku impulsif dan hiperaktif (Yusop Malie et al., 2019). Walau bagaimanapun, hasil kajian Abdul Aziz dan Wan Muna Ruzanna (2021) strategi pengajaran berpusatkan guru melalui kaedah bimbingan dan latih tubi menjadi strategi utama dalam meningkatkan kemahiran membaca murid masalah pembelajaran. Malah, terdapat sebahagian peserta kajian yang hanya bergantung kepada strategi ini dalam pengajaran mereka. Oleh itu, strategi berpusatkan guru dilihat sesuai untuk dipraktikkan kerana pembelajaran al-Quran sangat mengutamakan aspek membaca.

Strategi berpusatkan bahan turut digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi pelajaran kepada murid masalah pembelajaran. Melalui strategi ini, bahan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Naquiah Nahar et al. (2020) dalam kajian mereka menjelaskan terdapat lima ciri utama dalam strategi berpusatkan bahan iaitu interaksi antara murid dan bahan,

guru bergantung sepenuhnya kepada penggunaan bahan, membimbing murid belajar dengan bahan, guru menyediakan bahan untuk aktiviti dan interaksi guru dengan bahan. Menurut pandangan Nurul Izzati et al. (2021), penggunaan bahan sangat penting dalam pendidikan pada masa kini kerana murid berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar (Safiek Mokhlis, 2019) dan memudahkan mereka untuk mempelajari dan memahami sesuatu ilmu (Mohd Razimi et al., 2023). Selain itu, Mohd Rashidi et al. (2022) juga berpandangan bahawa bahan-bahan seperti alat audio visual, slaid, bahan bercetak, bahan maujud dan papan tulis adalah penting supaya pembelajaran tidak disampaikan secara teori sahaja. Berdasarkan dapatan Abdul Aziz dan Wan Muna Ruzanna (2021), guru dapat menangani masalah membaca dalam kalangan murid masalah pembelajaran dengan menggunakan strategi pengajaran berpusatkan bahan. Oleh yang demikian, strategi berpusatkan bahan juga boleh digunakan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menarik minat murid terhadap pembelajaran dan guru dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan (Amirah et al., 2023).

Selain itu, strategi pengajaran berpusatkan aktiviti juga antara strategi yang dipilih oleh guru ketika mengajar di dalam kelas. Strategi berpusatkan aktiviti ialah satu strategi pengajaran di mana guru melibatkan murid dalam sesuatu aktiviti atau tugas bagi memberi peluang kepada murid untuk mempraktikkan pembelajaran yang telah dipelajari (Anwer, 2019). Hasil kajian Anwer (2019) menunjukkan strategi berpusatkan aktiviti dapat memotivasikan murid untuk belajar dan seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik murid. Mengikut Razia Noreen dan Abdul Majid (2019), dengan berpusatkan aktiviti murid akan merasai sendiri pengalaman pembelajaran yang sebenar kerana mereka perlu meneroka dan menjana idea bagi memperoleh sesuatu maklumat. Murid akan lebih yakin dan bersemangat untuk mengikuti pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Bagi pengajaran murid khas, Izuli et al. (2021) menjelaskan beberapa langkah yang perlu diberi perhatian oleh iaitu guru perlu memastikan aktiviti yang diajar sesuai dengan tahap keupayaan murid, menghuraikan aktiviti tersebut secara ringkas, memecahkan aktiviti tersebut kepada langkah-langkah yang kecil serta menyesuaikan langkah-langkah tersebut mengikut keupayaan murid. Sebahagian guru menggunakan strategi ini sebagai alternatif untuk meningkatkan penguasaan membaca murid masalah pembelajaran (Abdul Aziz & Wan Muna Ruzanna, 2021).

Di samping itu, pemilihan strategi pengajaran mesti berlandaskan kepada teori-teori pengajaran yang sesuai bagi membentuk pengajaran yang berkesan. Antara tokoh pemikiran Islam yang terkenal dalam bidang pendidikan ialah Ibnu Khaldun. Mengikut teori pengajaran Ibnu Khaldun (2002), guru perlu menyesuaikan pengajaran mereka mengikut tahap perkembangan dan kemampuan murid. Guru juga disarankan untuk menyampaikan pengajaran secara berperingkat dan beransur-ansur, bermula dengan topik yang asas dan berkembang kepada topik yang lebih mendalam. Ini bermakna guru mesti peka terhadap perbezaan antara murid supaya keperluan pembelajaran mereka dapat dipenuhi dengan baik. Dalam pada itu, kajian Mohamad Taha (2023) menyatakan bahawa model gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (VAK) oleh Fernald et al. (1920) boleh memberi pengalaman pembelajaran yang berkesan dan memenuhi kepelbagaian keperluan murid terutamanya murid pendidikan khas. Justeru, model VAK perlu dimanfaatkan oleh guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Model VAK memberi peluang kepada guru untuk menyesuaikan strategi pengajaran mereka mengikut kecenderungan dan minat murid. Gabungan teori pengajaran Ibnu Khaldun dan model gaya pembelajaran VAK menekankan pentingnya penyesuaian pengajaran mengikut tahap pemahaman, keupayaan individu dan gaya pembelajaran murid.

4. METODOLOGI

Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen analisis dokumen. Analisis dokumen dilakukan terhadap kandungan yang terdapat dalam dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas bagi murid masalah pembelajaran yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum pada tahun 2017 dan Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Khas pada tahun 2014.

Analisis kandungan dilakukan terhadap perkara yang berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran bagi murid berkeperluan khas yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dihuraikan berdasarkan persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah strategi pengajaran al-Quran yang boleh digunakan bagi pengajaran al-Quran kepada murid masalah pembelajaran?
2. Bagaimanakah strategi pengajaran yang dirancang oleh guru boleh dilaksanakan dalam pengajaran al-Quran kepada murid masalah pembelajaran?

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat empat strategi pengajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar al-Quran kepada murid masalah pembelajaran berdasarkan analisis dokumen. Perincian tentang strategi tersebut dirumuskan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Strategi Pengajaran Al-Quran bagi MBK Pembelajaran

No	Jenis Strategi	Ciri-Ciri Strategi	Sumber Dokumen Analisis
1.	Strategi Pengajaran Berpusatkan Murid	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajaran berasaskan aktiviti 	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas bagi Murid Masalah Pembelajaran (2017)
2.	Strategi Pengajaran Berpusatkan Guru	<ul style="list-style-type: none"> • Pengubahsuaian terhadap: <ul style="list-style-type: none"> - Kaedah atau teknik pengajaran - Masa - Susunan aktiviti - Bahan bantu mengajar 	Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas (2014)
3.	Strategi Pengajaran Berpusatkan Bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai tahap keupayaan murid • Bahan yang menarik dan kreatif 	Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas (2014)
4.	Strategi Pengajaran Terbeza	<ul style="list-style-type: none"> • Pengubahsuaian pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan setiap murid 	Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) (2013) & Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas (2014)

5.1 Strategi Pengajaran Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran berpusatkan murid merupakan salah satu strategi yang boleh digunakan sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas bagi murid masalah pembelajaran (2017), yang menyatakan bahawa:

Guru mestilah merancang strategi yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan berasaskan aktiviti bagi meningkatkan minat dan keseronokkan belajar murid masalah pembelajaran.

5.2 Strategi Pengajaran Berpusatkan Guru

Strategi pengajaran berpusatkan guru adalah satu strategi yang bersifat sehalal di mana hanya guru yang terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini boleh didapati melalui dokumen Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas (2014) dalam perenggan 8 (1) (c) yang menyatakan:

Seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar.

5.3 Strategi Pengajaran Berpusatkan Bahan

Strategi berpusatkan bahan juga termasuk salah satu strategi pengajaran yang digunakan oleh guru bagi menyampaikan pembelajaran al-Quran kepada murid masalah pembelajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar mampu menarik minat serta memudahkan murid untuk belajar al-Quran, sepertimana yang dinyatakan dalam Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas (2014) pada Perkara 5, iaitu:

Proses PdP bagi MBK bersifat fleksibel yang mana guru boleh mengubahsuaikan bahan bantu mengajar agar bersesuaian dengan tahap keupayaan murid, menarik dan kreatif bagi merangsang perkembangan murid.

5.4 Strategi Pengajaran Terbeza

Pengajaran terbeza merupakan pengubahsuaian pengajaran yang dilakukan oleh guru berdasarkan perbezaan keupayaan dan kebolehan bagi memenuhi keperluan pembelajaran setiap murid di dalam kelas. Perkara ini diperolehi berdasarkan pernyataan di dalam dokumen Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di dalam Perkara 8 yang dikeluarkan oleh Warta Kerajaan Persekutuan 2013:

8.1 (c) seorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada - (i) kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran; (ii) masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti; (iii) susunan aktiviti; dan (iv) bahan bantu mengajar.

8.2 Apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

Pengajaran terbeza yang boleh diamalkan oleh guru ini turut disokong melalui dokumen Kod Amalan Pendidikan Khas Murid Berkeperluan Khas (2014) yang menyatakan bahawa:

Guru perlu memahami keperluan individu murid melalui pemerhatian dan perbincangan dengan pihak ibu bapa dan ahli keluarga dalam membuat perancangan dan keputusan penggunaan dan adaptasi kaedah pengajaran dan pembelajaran terbaik.

6. PERBINCANGAN

Strategi pengajaran menjadi satu keperluan yang penting bagi seorang guru lebih-lebih lagi ketika mengajar al-Quran kepada murid masalah pembelajaran yang mempunyai pelbagai halangan untuk belajar. Bagi menentukan sesuatu strategi pengajaran yang digunakan, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengajaran supaya strategi yang digunakan sesuai dengan keupayaan murid masalah pembelajaran yang pelbagai. Menurut Syar Meeze (2017), terdapat empat kemahiran asas yang mesti dikuasai oleh guru iaitu kemahiran membuat persediaan, kemahiran memberi arahan, kemahiran memberi bimbingan dan kemahiran memberi rangsangan. Kemahiran-kemahiran ini penting agar guru dapat mengajar al-Quran dengan baik melalui strategi pengajaran yang digunakan. Menurut Norma Jusof dan Mohd Isa (2020), guru yang tidak mempunyai kemahiran pengajaran yang

baik akan mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sehingga menjejaskan kecemerlangan akademik murid. Walau bagaimanapun, tidak ada strategi yang khusus dalam pengajaran murid masalah pembelajaran kerana guru bebas untuk memilih dan mempelbagaikan strategi pengajaran yang bersesuaian supaya dapat mencapai objektif pembelajaran murid.

Kebanyakan kajian lepas mendapati strategi pengajaran berpusatkan murid memberi impak yang positif terhadap pembelajaran murid. Hal ini kerana penggunaan strategi ini boleh membantu guru untuk mengenal pasti tahap pengetahuan murid, merangsang minat murid untuk belajar, membantu murid untuk fokus terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru, merangsang daya ingatan murid serta memudahkan murid untuk memahami isi kandungan pembelajaran. Menurut Norma Jusof (2020), pengajaran berpusatkan murid adalah selaras dengan kemajuan pendidikan pada masa kini. Bahkan, pelaksanaan strategi pengajaran berpusatkan murid dalam pengajaran al-Quran juga adalah selaras dengan gaya pembelajaran abad ke-21 (Mohd Shahrani & Mohamad Khairi, 2023). Melalui strategi pengajaran berpusatkan murid, murid bermasalah pembelajaran bukan sahaja boleh mendengar, melihat dan memerhati cara sebutan guru, malah berpeluang untuk mengikut dan memperbetulkan bacaan al-Quran mereka secara langsung dengan guru. Melalui strategi ini, guru memainkan peranan penting sebagai pemudah cara dan pembimbing, lebih-lebih lagi kepada murid masalah pembelajaran yang memerlukan lebih perhatian terutamanya di dalam kelas.

Melalui strategi berpusatkan murid, guru perlu mengalakkan murid untuk sentiasa aktif dalam semua aktiviti yang dirancang supaya objektif pembelajaran dapat dicapai dengan berkesan. Strategi ini terbukti sangat membantu dalam meningkatkan penguasaan al-Quran murid masalah pembelajaran. Dapatan kajian ini selari dengan Siti Aishah (2022) yang mendapati penggunaan strategi pengajaran strategi berpusatkan murid iaitu Gallery Walk berhasil meningkatkan pencapaian murid pendidikan khas dalam mata pelajaran Sains. Gallery Walk ialah strategi pengajaran dalam bentuk kumpulan di mana guru menggalakkan murid untuk belajar melalui perbincangan berdasarkan soalan, dokumen, gambar, situasi dan teks yang diberikan oleh guru. Hasil dapatan kajian juga mendapati strategi ini sangat membantu dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru dan kemahiran komunikasi murid. Di samping itu, penggunaan strategi ini juga memudahkan murid memahami sesuatu ilmu serta boleh meningkatkan perkembangan motor halus dan motor kasar murid (Che Saifull & Wan Muna Ruzanna, 2022), menangani masalah tingkah laku serta mampu meningkatkan kemahiran sosial murid pendidikan khas (Norazizah & Khairul Farhah, 2022). Namun begitu, penting bagi seorang guru untuk terlebih dahulu memahami dan mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran asas bagi setiap murid supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan boleh memenuhi keperluan pendidikan semua murid (Nurulshima & Khairul Farhah, 2023).

Oleh itu, strategi pengajaran berpusatkan murid adalah satu strategi yang boleh digunakan bagi memastikan murid masalah pembelajaran dapat mempelajari dan menguasai al-Quran dengan baik. Kaedah talaqqi musyafahah merupakan antara contoh strategi pengajaran berpusatkan murid yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam pembelajaran al-Quran bagi murid masalah pembelajaran. Melalui kaedah ini, komunikasi dua hala antara guru dan murid sering berlaku kerana talaqqi musyafahah dilaksanakan dengan cara guru terlebih dahulu membacakan al-Quran di hadapan murid dan murid mendengar bacaan tersebut dengan teliti sebelum mengulangi bacaan tersebut sambil disemak dan diperbetulkan oleh guru (Nurul Huda et al., 2019). Hal ini kerana al-Quran mengandungi beberapa kalimah yang perlu dipelajari bersama guru, contohnya bacaan isyam, imalah dan sebagainya (Nurul Huda et al., 2019).

Selain itu, strategi pengajaran berpusatkan guru juga boleh diamalkan dalam menyampaikan kemahiran bacaan al-Quran kepada murid sepertimana kajian Muhd Zulhilmi et al. (2019), Norhisham et al. (2019) serta Nurul Husna dan Hafizhah (2023). Mengikut kajian Muhammad Haziq dan Adam Jait (2020), pengajaran al-Quran sesuai dilaksanakan secara berpusatkan guru kerana kemahiran membaca al-Quran lebih menekankan pengajaran berbentuk arahan, demonstrasi dan

pembetulan kesalahan murid. Walaupun begitu, Mohd Shahrani dan Mohamad Khairi (2023) menjelaskan bahawa pelaksanaan pengajaran al-Quran secara berpusatkan guru semata-mata kurang berkesan terhadap murid yang lemah kerana mereka memerlukan bimbingan yang banyak daripada guru. Hal ini kerana bidang bacaan al-Quran sangat mengutamakan kemahiran membaca secara bertajwid. Dalam strategi berpusatkan guru, pembelajaran al-Quran lebih tertumpu kepada guru dan hal ini boleh menyebabkan murid masalah pembelajaran menjadi lebih pasif, mudah hilang fokus serta tidak berminat untuk belajar. Bagi menangani masalah tersebut, guru disarankan untuk mempelbagaikan strategi pengajaran, contohnya dengan menggunakan pendekatan pembelajaran teradun. Menurut Nor Saadah dan Nik Mohd Rahimi (2022), pembelajaran teradun ialah gabungan pelbagai strategi pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Oleh itu, guru perlu kreatif dalam mengabungkan strategi pengajaran berpusatkan guru dengan strategi yang lain supaya keberkesanan pembelajaran al-Quran dapat ditingkatkan.

Strategi pengajaran berpusatkan bahan juga merupakan antara strategi yang boleh diamalkan oleh guru sebagai satu usaha untuk merangsang minat belajar murid dan sekaligus berupaya meningkatkan kualiti pembelajaran mereka. Guru boleh menggunakan pelbagai bahan seperti tanah liat, kad imbasan, gambar dan sebagainya. Guru tidak sepatutnya bergantung kepada penggunaan buku teks sahaja ketika sesi pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Walau bagaimanapun, kekurangan bahan bantu mengajar murid pendidikan khas di pasaran boleh menjadi cabaran kepada guru kerana mereka perlu menghasilkan bahan pengajaran sendiri. Sehubungan dengan itu, seorang guru perlu mahir dan kreatif dalam memanfaatkan bahan sedia ada supaya murid masalah pembelajaran dapat belajar dengan berkesan. Menurut Nur Hana et al. (2022), penggunaan bahan bantu mengajar merupakan faktor penting bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan maujud seperti guli, kotak serta peranti elektronik telah membantu meningkatkan kemahiran matematik murid pendidikan khas. Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar visual, auditori dan kinestetik juga terbukti memberi kesan positif terhadap tingkah laku, tumpuan, kefahaman dan minat murid pendidikan khas untuk belajar (Nor Aqilah & Aliza Alias, 2022).

Kajian yang dilaksanakan oleh Atira Rohadi dan Aliza Alias (2021) pula mendapati bahan bantu mengajar berwarna dan hitam yang digunakan oleh guru berhasil meningkatkan pencapaian murid masalah pembelajaran dalam membaca dan menghafal surah al-Fatihah. Di samping itu, guru juga disarankan untuk menggunakan teknologi maklumat dan multimedia sebagai bahan bantu mengajar. Menurut Wardyawaty dan Mohd Isa (2020), guru dan murid perlu memanfaatkan perkembangan teknologi mengikut peredaran zaman. Hal ini kerana penggunaan bahan atau alat bantu mengajar yang berasaskan teknologi boleh membantu murid menjana idea dengan maklumat-maklumat dari pelbagai sumber (Haziyah et al., 2019). Keberkesanan strategi berpusatkan bahan menunjukkan bahawa guru boleh menggunakan strategi ini dalam proses pembelajaran al-Quran. Strategi ini mampu memberi kesan yang positif terhadap pencapaian kemahiran al-Quran murid pendidikan khas masalah pembelajaran.

Strategi pengajaran terbeza yang diamalkan oleh guru juga boleh membantu penguasaan Quran di kalangan murid masalah pembelajaran. Melalui strategi ini, guru boleh menyesuaikan aras pengajaran al-Quran dengan tahap keupayaan setiap murid yang berbeza di dalam kelas. Menurut Mohd Ayub dan Zamri (2023), strategi pengajaran terbeza perlu diaplikasikan kepada murid masalah pembelajaran kerana mereka mempunyai pelbagai kebolehan, keperluan dan minat yang berbeza. Namun begitu, pelaksanaan pengajaran terbeza boleh memberi pelbagai cabaran kepada guru antaranya ialah kekurangan sumber, bahan mengajar, masa yang terhad, beban tugas, murid yang ramai di dalam sebuah kelas dan kekurangan prasarana (Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad, 2023; Rathaneswaary & Ruhizan, 2022). Oleh itu, strategi pengajaran terbeza memerlukan guru yang kreatif dan inovatif untuk menghasilkan bahan mengajar yang sesuai dengan masa dan keperluan murid. Melalui strategi ini, semua murid berpeluang mengikuti sesi pembelajaran al-Quran di dalam kelas walaupun tahap keupayaan mereka adalah berbeza. Menurut kajian Mohd Muzzammil dan Harun Baharudin (2023), guru yang tidak mengamalkan pengajaran terbeza boleh menyebabkan pembelajaran al-Quran menjadi kurang berkesan. Hal ini kerana murid gagal melibatkan diri mereka

dalam sesi pengajaran al-Quran, sedangkan kemahiran Quran seperti membaca, menghafaz dan kefahaman memerlukan penglibatan murid yang aktif.

Pengajaran guru perlu dilaksanakan secara berperingkat dan beransur-ansur di dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada murid masalah pembelajaran. Menurut Mohd Zahirwan et al. (2017), guru perlu menyampaikan isi kandungan pembelajaran secara asas iaitu dengan menyatakan isi utama bagi setiap tajuk berserta huraian yang ringkas dan sepintas lalu. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti tahap kognitif dan persediaan murid untuk belajar. Seterusnya, guru perlu menyampai ilmu kepada murid secara menyeluruh dengan huraian yang lebih jelas dan terperinci. Manakala tahap ketiga pula, guru perlu menjalankan aktiviti pengukuhan bagi meningkatkan kefahaman murid. Melalui peringkat ini, guru akan mengulangi pengajaran dari awal hingga akhir bab. Pengulangan ini penting bagi memastikan murid benar-benar menguasai ilmu yang disampaikan oleh guru, namun ia bergantung kepada tahap kecerdasan setiap murid. Justeru, strategi pengajaran terbeza merupakan salah satu strategi yang perlu diberi perhatian oleh guru supaya pembelajaran al-Quran dapat dikuasai oleh murid masalah pembelajaran.

Oleh yang demikian, strategi pengajaran al-Quran mestilah mengambil kira tahap keupayaan murid masalah pembelajaran yang pelbagai seperti masalah kognitif, pertuturan, daya tumpuan dan ingatan, masalah komunikasi.

7. KESIMPULAN

Pengajaran al-Quran yang berkesan kepada murid masalah pembelajaran memerlukan kepada strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan dan minat setiap murid. Strategi berpusatkan murid dilihat sebagai strategi utama yang boleh diamalkan oleh guru untuk mengajar al-Quran kepada murid masalah pembelajaran, di samping penggunaan strategi-strategi yang lain seperti berpusatkan guru, berpusatkan bahan dan pengajaran terbeza. Guru disarankan untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran kerana tiada suatu strategi yang boleh diterapkan kepada semua murid dalam satu masa. Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru mestilah strategi yang boleh meningkatkan minat dan motivasi murid untuk belajar al-Quran. Hal ini penting supaya murid sentiasa memberi fokus terhadap pengajaran guru dan sekali gus memastikan matlamat pembelajaran al-Quran dapat dicapai.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Busri & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Strategi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam menangani masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia di sekolah rendah pendalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 618-627.
- Abdul Munir Ismail. (2018). Strategi pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif*, 10(2), 11-21.
- Ainaa Hamdan, Ain Bustaman, Alif Zulkafli, Amielah Nordin, Azimah Rozlan, Elysa Azlan, Farah Zamri, Norisha Adrus, Syaza Halim & Yasmin Salehan. (2023). Halangan yang ditempuhi oleh guru aliran perdana di Malaysia dalam melaksanakan program pendidikan inklusif.
- Akta Pendidikan. (1996). *Akta 550. Undang-Undang Malaysia*. Cetakan Semula. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Allam, F. C. & Martin, M. M. (2021). Issues and challenges in special education: a qualitative analysis from teacher's perspective. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(1), 37-49.
- Amirah Azhar, Zamri Mahamod, Anur Syuhada Mat Husin & Noorfaraasikin Abdullah. (2023). Kekangan dan strategi guru bahasa Melayu sekolah rendah dalam meningkatkan motivasi murid selepas pasca pandemik COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 73-88.

- Anwer, F. (2019). Activity-based teaching, student motivation and academic achievement. *Journal of Education and Educational Development*, 6(1), 154-170.
- Atira Rohadi & Aliza Alias. (2021). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran VAKT melalui bahan bantu mengajar berwarna vs hitam dalam membaca dan mengingat ayat 1-3 surah al-Fatihah bagi murid autisme. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 103-114.
- Bahariah Ab Rahman, Azmil Hashim & Hamdi Ishak. (2021). Medium komunikasi guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran program pendidikan khas integrasi (ketidakupayaan pendengaran). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(38), 110-125.
- Che Saifull Irwan Che Hussin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi murid sindrom down. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 436-451.
- Citra Puteri Utami. (2023). Negotiating English Teaching Strategies for Special Needs Students During the COVID-19 Pandemic (A Case Study in: SLB PKK Bandar Lampung). *Thesis: Raden Intan States Islamic University*.
- Dashwini Selvam & Ardzulyna Anal. (2022). Pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan khas dalam melaksanakan program pendidikan khas integrasi (PPKI) masalah pendengaran. *Jurnal Pendidikan BITARA UPSI*, 15(1), 19-28.
- Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud. (2021). Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid masalah pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 49-64.
- Deena Bibi Nurkiah Hasmadi, Mohd Aderi Che Noh & Ali Rohmad. (2022). Pendekatan berpusatkan murid dalam pengintegrasian ilmu bagi subjek pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 1(2), 111-118.
- Federal Government Gazette. (2013). Education (Special Education) Regulations 2013: The Education Act (1996, ACT 550, section 50). Attorney General's Chambers of Malaysia.
- Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad. (2023). Pengajaran terbeza: Kajian tinjauan terhadap guru sejarah sekolah menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 1-17.
- Hasanova, N., Abduazizov, B., & Khujakulov, R. (2021). The main differences between teaching approaches, methods, procedures, techniques, styles and strategies. *JournalINX- A Multidisciplinary Peer Reviewed Journal*, 7(2), 371-375.
- Hashimah Hussein, Suppiah Nachiappan, Md Nasir Masran & Syaza Syafeeqah Mohammad Khasnan. (2020). Analisis pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 34-47.
- Haziyah Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Muhamad Razak Idris, Farid Mat Zain, Hamdi Ishak, Salamiah Ab. Ghani & Abdulroya Panaemalae. (2019). Amalan pengajaran guru di Pondok Bantan, Nakhon Si Thammarat, Thailand. *International Journal of Islamic Thought*, 16, 24-37.
- Hidayati Hairul Azman, Siti Mahfuzoh Ngabadi, Nor Irna Syamimi Embong & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2022). Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan cabaran semasa. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7, 202-208.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod. (2021). Strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 54-67.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Nor Aniza Ahmad. (2020). Cabaran komunikasi dalam pengajaran pendidikan Islam kepada murid kurang upaya pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*, 18(Dec.), 13-26.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Nor Aniza Ahmad. (2021). Activity-based teaching of Quran for deaf students in the special education integration program. *Social Sciences & Humanities*, 29(1), 91-106.
- JKM. (2023). *Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU)*. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Modul Pelaksanaan Program j-QAF Khas*.
- Kenny S.L Cheah & Yuen Fen Hiew. (2022). Penerokaan strategi guru untuk menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar di dua Sekolah Vernakular Cina, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(3), 50-67.
- Md Fadzil Masri & Zamri Mahamood. (2020). Keberkesanan kaedah Flipped Classroom dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan murid-murid sekolah rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 189-203.
- Mohamad Taha Abol. 2023. Keperluan menangani gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (VAK) murid berkeperluan pendidikan khas di program pendidikan inklusif sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Human Capital Development* 16(2): 1-17.
- Mohd Ayub Bakri & Zamri Mahamood. (2023). Meneroka pengetahuan, kefahaman dan cabaran guru pendidikan khas yang mengajarkan bahasa Melayu kepada murid khas (masalah pembelajaran) menggunakan pendekatan pengajaran terbeza. *International Journal of Education and Pedagogy*, 5(2), 27-45.
- Mohd Muzzammil Sharif & Harun Baharudin. (2023). Implementasi pengajaran terbeza tilawah al-Quran dan keterlibatan murid di sekolah rendah daerah Keramat, Kuala Lumpur. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 84-102.
- Mohd Norakmar Omar, Siti Noor Ismail & Abd Latif Kasim. (2019). Hubungan kepimpinan teknologi pengetua dan efikasi sendiri guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(4), 1-21.
- Mohd Rashidi Omar, Siti Nasuha Singki & Maisarah Ismail. (2022). Amalan pengajaran dalam kursus pendidikan Islam sepanjang hayat (PISH). *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(4), 240-253.
- Mohd Razimi Husin, Aeidah Farhana Nor Rahmat, Afina Fashihah Rosle, Fairuz Syakirah Mohamad Hassan, Farah Shamimi Mat Nawi, Melisa Abraham Abiraham, Noorshaqilah Abd Rahman, Nurul Atikah Mohamad Razman, Nur Batrisyia Syazwana Khairulanuar, Nur Hadirah Hassan Basari, Umi Syahzani Haziqah Suhaili & Siti Fatimah Malik. (2023). Strategi dan teknik pdpc bagi mengendalikan murid berkeperluan khas ketidakupayaan pendengaran dalam pendidikan inklusif. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 5(2), 75-87.
- Mohd Razimi Husin, Muhammad Farhan Suhaimi, Suhailah Md Hamil, Nurul Natasha Azmi, Nurul Umaira Juliana Roslid, Nur Nabilah Zainal, Nor Balqis Kamaruddin, Nur Izzufi Hamizi & Nurul Zulaikha Iswami. (2020). Masalah pembelajaran untuk pelajar pendidikan khas: dana dan prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Sciences*, 3(1), 1-10.

- Mohd Shahrani Muhamad Zaidi & Mohamad Khairi Othman. (2023). Cabaran guru pengajaran pendidikan Islam kurikulum standard sekolah menengah (KSSM). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 8(50), 508-521.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Isu dan permasalahan (PDP) pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam amalan pengajaran guru menurut pandangan Ibn Khaldun. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 1-18.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab al-Muqaddimah. *Ideology*, 2(1), 26-35.
- Muhammad Haziq Shahjahan & Adam Jait. (2020). Pelaksanaan pengajaran guru seni al-Quran remaja negara Brunei Darussalam: Isu dan cabaran. *Jurnal Antarabangsa Kajian 'Umran*, 3(1), 67-81.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Othman & Mohd. Isha Awang. (2019). Keperluan penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research*, 1, 289-316.
- Naquiah Nahar, Jimaain Safar & Zabedah Ab. Razak. (2020). Strategi pemusatan bahan dalam pengajaran jawi guru pendidikan Islam sekolah rendah: Satu kajian kes. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 1(9), 1-15.
- Nor Aqilah Mohamad Suhaimi & Aliza Alias. (2022). Pengetahuan guru pendidikan khas terhadap bahan bantu mengajar visual, auditori dan kinestetik yang sesuai terhadap murid berkeperluan khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), 1-10.
- Nor Asniza Ishak & Hazri Jamil. (2020). Pedagogies towards enhancing students' intellectual capital in Malaysian secondary schools. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(2), 57-76.
- Nor Saadah Azahari & Nik Mohd Rahimi. (2022). Amalan pembelajaran teradun sebagai satu pendekatan pembelajaran norma baharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 186-196.
- Norazizah Mohamed Norok & Khairul Farhah Khairuddin. (2022). Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan kaedah bermain sambil belajar bagi murid berkeperluan khas pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 132-144.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatim Ardani Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(32), 273-283.
- Norleena Gutasan, Rojiah Saiwah Karim, Zoriffah Mohd Kudin & Nor Jannah Hassan. (2021). Lexssa Kit improve reading skills for student with disabilities. *International Journal of Modern Education*, 3(8), 149-166.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kemahiran guru pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Norma Jusof. (2020). Tahap kemahiran guru terhadap pengajaran berpusatkan murid dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II, XXII*, 84-108.
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. (2020). Kaedah Fan-N-Pick dalam pembelajaran sirah Pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 61-69.

- Nur Azuwa Choh, Rohaiza Rozali, Masfarizan Maslan, Mohamed Yusoff Mohd Nor & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2020). Amalan kepimpinan inovatif guru besar dan hubungannya dengan efikasi sendiri guru pendidikan khas. *Proceeding-Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)*, 37-48.
- Nur Faizahon Saidin & Nur Azimah Mohd Bukhari. (2023). Faktor keciciran murid-murid program pemulihan khas sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu-JOMAS*, 34(1), 26-48.
- Nur Hana Kamarudin, Khairul Farhah Khairuddin & Ahmad Zamri Mansor. (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 175-183.
- Nur Syafiqah Rosli, Norshidah Mohd Salleh & M. Khalid M. Nasir. (2020). Hubungan tahap kesediaan guru pendidikan khas dalam mengaplikasikan pengajaran yang kolaboratif, inovatif dan kreatif. *Regional Conference on Lesson Study*, 47-52.
- Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar, & Nor Hafizi Yusof. (2019). Konsep dan pelaksanaan kaedah talaqqi musyafahah dalam pembelajaran al-Quran. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 3(1), 27-35.
- Nurul Husna Musaddin & Hafizhah Zulkifli. (2023). Kaedah-kaedah pengajaran guru kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam mengajar tilawah al-Quran. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 6(2), 16-27.
- Nurul Izzati Ahmad Radzi, Harun Baharudin & Mohd Khalid Mohamad Nasir. (2021). Strategi kemahiran komunikasi dalam pengajaran bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(3), 48-56.
- Nurulshima Mohd Mohtar & Khairul Farhah Khairuddin. (2023). Pemeraksanaan guru dalam pengajaran dalam talian untuk murid berkeperluan pendidikan khas di program pendidikan inklusif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(8), 1-18.
- Pocan, J. M. (2022). Exploring teaching strategies and challenges towards a holistic context-based special education teaching strategies program. *The Normal Lights*, 16(1), 168-196.
- Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad. (2020). Sorotan literatur sistematik isu dan cabaran pengajaran al-Quran murid berkeperluan khas. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 199-211.
- Raja Nor Azuwah Raja Yusof & Nik Rosila Nik Yaacob. (2022). Tahap efikasi sendiri terhadap aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi bagi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan di Pulau Pinang. *Asian People Journal*, 5(1), 179-189.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihan khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 1-20.
- Razia Noreen & Abdul Majid Khan Rana. (2019). Activity-based teaching versus traditional method of teaching in Mathematics at elementary level. *Bulletin of Education and Research*, 41(2), 145-159.
- Safiek Mokhlis. (2019). Pemupukan kreativiti kanak-kanak: kajian kes amalan pengajaran kreativiti di sebuah tadika Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 3(1), 34-48.
- Salmihah Che Mud, Fariza Md Sham & Manisah Mohd Ali. (2021). Kaedah pengawalan tingkah laku bagi anak mengalami autisme. *Journal al-Irsyad*, 6(2), 733-744.

- Siti Aishah Mohd Shariff. (2022). Amalan aktiviti berpusatkan murid dalam proses pembelajaran sains di kalangan murid berkeperluan pendidikan khas menggunakan kaedah Gallery Walk. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas dan Inklusif (Negeri Melaka)*, 1(1), 297-308.
- Siti Muhibah Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 1-8.
- Siti Zunaida Yusop, Mohd Hanafi Mohd Yassin & Mohd Mokhtar Tahar. (2020). Sensory garden approach to increase autism students' learning focus in primary schools. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities*, 4, 178-185.
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2017). Kemahiran asas serta kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada golongan istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1(1).
- Syed Shahridzan Syed Mohamed. (2022). Kedudukan taklif dalam pelaksanaan ibadat bagi OKU Masalah Pembelajaran, Pelbagai dan Mental. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 27(4), 126-151.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru pendidikan Islam (GPI). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103-113.
- Wong Tien Jann & Manisah Mohd Ali. (2023). Hubungan efikasi sendiri dan kepuasan kerja guru pendidikan khas sekolah rendah di Negeri Melaka. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 83-92.
- Ying Tong Bei, Pang Jee Ching & Nurul Salwana M. Khair. (2021). The effectiveness of the Lego Bricks Play in improving the social interaction of children with autism. *Asia Pacific Journal of Business, Humanities & Education*, 6(2), 49-77.
- Yusmini Md Yusoff & Azura Awang. (2019). Kepentingan nilai-nilai Islam dalam pembangunan diri orang kelainan upaya (oku) kategori bermasalah pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 47, 105-118.
- Yusop Malie, Fatimah Az-Zahra, Nur Farhana Kamel, Nurulain Pusa, Ririn Yiichasiani & Sabariah Ahmad. (2019). Penglibatan dalam aktiviti bagi mengurangkan masalah tingkah laku hiperaktif. *Proceedings International Conference on Teaching and Education*, 2, 21-26.
- Zaharah Kamaruddin & Suziyani Mohamed. (2019). Keberkesanan pendekatan bermain dalam kemahiran mengenal huruf melalui permainan bahasa. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4, 108-118.
- Zuliza Mohd Kusrin, Mohd Al-Adib Samuri, Wafaa' Yusof, Fariza Md. Sham & Mohd Syakir Arifin. (2019). Individu autisme dan perlakuan melanggar undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(2), 219-237.

Nurul Afisah Binti Hussin (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.
Email: p110746@siswa.ukm.edu.my

Izuli Bin Dzul kifli
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor Malaysia.
Email: izuli@upm.edu.my

Mohd Nazri Ahmad
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.
Email: m.nazri6030@gmail.com